

22/06/2002

Dr M terima buku Revolusi Mental

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad semalam menerima buku bertajuk Revolusi Mental yang dicetak semula oleh Kumpulan Utusan Melayu (M) Bhd.

Buku itu disampaikan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Khalid Mohd, sebelum sidang akhbar Perdana Menteri di akhir hari kedua Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Mengulas mengenai buku itu, Perdana Menteri berkata, ia dikeluarkan pada 1971 selepas rusuhan kaum 1969 kerana ketika itu timbul kesedaran di kalangan orang Melayu mengenai kepentingan mereka mengubah sikap.

"Kalau nak mengubah sikap, cara mana nak mengubah. Jadi buku ini dikeluarkan dan buku ini memang cukup baik. Dia membuat penyelidikan yang cukup mengenai segala perkara - bilangan mahasiswa di Universiti Malaya mengikut bangsa pada 1968.

"Buat beberapa ketika, dengan kerana ada buku ini dan kerana rusuhan kaum, ada percubaan untuk meningkatkan prestasi orang Melayu.

"Tetapi selepas beberapa tahun, nampak mereka lupa balik. Sebab itu saya kata Melayu mudah lupa, dia dah lupa dah. Barangkali tak baca pun (buku ini)," katanya.

(END)